

TRANSLATION

Speech by Y.B. Menteri Pelajaran, Datuk
Hussein Onn, during Teacher's Day Rally
at Stadium Negara on 16.5.1973 at 3.30 p.m.

The Teachers Day celebrations are another example of the close co-operation and understanding that prevails between the teachers organisations and my Ministry.

2. Teacher-Parent Co-operation for Educational Progress is, therefore, a very appropriate and timely theme for this year's Teachers Day.

3. During 1972, the Education Act was amended, not only to facilitate the formation of parent-teacher associations, but to make it mandatory for every school to have a parent-teacher association. Since then, detailed rules and regulations have been drawn up and these will be issued shortly, and it is hoped that every school will have established such an association before the end of this year.

4. The parent-teacher association can help bridge that communication gap which not infrequently leads to tensions between the parents and the school. Close co-operation between teachers and parents can benefit both the school as well as the parents in numerous ways.

5. The most compelling reason for parents and teachers to co-operate is that they have a common stake. The parents would like to offer the best possible education to their children, while the teachers want to provide the best possible education for those children entrusted to their care.

6. To normal parents their children are, perhaps, their most precious possession, and to the extent that they entrust their children to the teachers' care they manifest their confidence in the teachers' integrity for safeguarding their most valuable possessions. Children are so valuable in the eyes of their parents that they will go to extremes to ensure the welfare of their offspring.

Hence, parents can be extremely sensitive on this issue.

7. The same remarks could apply to the teachers as well. Just like the parents, the teachers derive vicarious pleasure from the success and prosperity of their children in school, as well as in later life. The children may forget home and school, but their natural and their foster parents, the teachers, always remember them.

8. In the process of growing up in a rapidly changing world, the children need support and guidance of the right sort. Because education is a vehicle for both conservation as well as change, most children experience severe internal conflicts. Often, they find that the home and the school are two different worlds tending to pull in opposite directions. The confusion increases with the influences of the various forms of mass media impinging on their impressionable minds. They look to their elders for a solution only to discover that there exists a wide gulf between precept and practice.

9. The capacity of the children to believe, and the idealism of adolescence, coupled with its impatience and dynamism need to be directed along channels where they can be most effectively employed to generate positive action. For this, close co-operation between the teachers and parents is invaluable.

10. Educational advancement with the concurrent economic and social independence enjoyed by individuals has almost invariably resulted in the breakdown of existing values without new ones to replace them. Unless parents and teachers work together to fill such a vacuum, unwholesome alien influences will take control, with resultant mental, moral and physical degradation.

11. Except for a few well-established old schools in the country, every school is short of money for numerous projects. Parent-teacher co-operation can help to raise funds to supply needy pupils with books, uniforms, food and even transport. The funds would be invaluable in helping schools build up their libraries, acquire sports equipment, audio-visual equipment, and in numerous other ways.

12. Apart from financial and material assistance, every parent possesses certain skills as well as knowledge which he or she could, by arrangement, impart to the children either through formal or informal talks, or by demonstration. It is obvious that no school can ever hope to provide the children with the range of experiences that the sum total of the parents offer. Hence, the need for their more active participation.

13. With the high enrolments in every class, coupled with the revisions of syllabuses, as well as the numerous other burdens the teachers are called upon to shoulder, not infrequently, they cannot afford the time to help those pupils who need it most, and such lapse, if lapse it be, by the teachers can be construed in a variety of ways. I am sure, the hard pressed teachers would welcome a helping hand from parents who have the capability, to coach some of the weaker pupils. With such assistance, there is more than a likelihood that many apparent failures might succeed if they are caught and helped in time.

14. Motivation plays an important part in learning, but motivation depends on a number of factors. Again, the hard-pressed teachers cannot but concentrate on the majority who are motivated, and whenever possible to make an extra effort to motivate the remainder. To look after the interests of both the bright and the weak, the Ministry has appointed a guidance officer in every school. Unfortunately, most of the time such officers carry a full load as teachers, which leaves them little time for real guidance. Perhaps, parents with talents in this direction could volunteer to help motivate the less motivated.

15. What are some of the consequences of the lack of parent-teacher co-operation? Briefly, the child orbits between the home and the school, arriving at his own solutions to the problems he faces. After a while, he may begin to play one party off the other to serve his own ends. One dishonest act leads to another, and gradually he drifts into truancy, and perhaps worse, in the confidence that he can always get off with it by playing the school off the home. The ultimate result is another delinquent. I am not suggesting this as a stereotype of delinquency, but only using it as an example to illustrate the possible outcome of the lack of communication between the home and the school.

16. Parent-teacher associations have always been encouraged by my Ministry but with varying success. Perhaps we could briefly examine some of the causes.

17. First of all, there appears a general apathy towards the establishment of such associations. Because teachers and parents are already fully occupied they might be unwilling to get involved in another activity. On the other hand, they might not feel the need for such an organisation.

18. Secondly, previous attempts at running parent-teacher associations might have died unnatural deaths because of the indifference of one party or the other. For lack of understanding of the actual purpose of such an association the meetings might have led to a power struggle, or even degenerated for a variety of reasons, and everyone was glad when the end came.
19. Thirdly, there might be an innate, unfounded fear that the idea of a parent-teacher association is unworkable; alternatively, some teachers may be hostile to the idea on the assumption that as professional teachers they know what is best for the children. Some of this may be a hangover from the past, and subtly continues to colour our thinking.
20. Fourthly, because of our educational history, the parents may live at some distance from the school, and there might be genuine obstacles to their attendance at parent-teacher association meetings.
21. Fifthly, owing to our polyethnic composition the language factor has made communication a problem at the meetings. But with universal usage of Bahasa Malaysia, this problem is being rapidly resolved.
22. Lastly, lack of interest might have been born of lack of guidance, and this together with the formalities of registration might have militated against the spread of parent-teacher associations.
23. With the 1972 amendment of the law it will be easy to establish a parent-teacher association. The rules and regulations supplied by my Ministry will be universally applicable and make for smoother functioning of such associations.
24. With the spread of Bahasa Malaysia as the main medium of instruction there should be a reorientation in the thinking of parents so that they will send their children to the schools nearest to their homes. Such action will enhance the prospects of teacher-parent co-operation. At this point I must add that there are some very active parent-teacher associations which have done a great deal of good.
25. Recent events have indelibly indicated that parents have become more conscious of their rights as citizens as well as consumers of education as is offered in our schools, and are demanding an increasing knowledge of what transpires within our schools, and would like greater involvement in education. This is a praiseworthy development and needs all the encouragement that we can give.

26. Let us not forget that many even among our teachers are also parents, and they are not going to be content with anything but the best education for their own children. I am sure that like feelings exist in every parent who sends his children to school. Besides, in a democratic society we are all answerable to the public which in the case of schools means the parents.

27. I would like to congratulate the teachers on their choice of theme: Teacher-parent co-operation for educational progress. Such co-operation is fundamental to healthy and effective education. It cannot be achieved by legislation. It can only be meaningful if there is genuine understanding, goodwill and tolerance on the part of the parents and teachers in the interest of the children concerned. I sincerely hope teacher-parent co-operation will receive a big boost from this year's teachers day celebrations.


28. I would like to congratulate the teachers on their initiative and enterprize in establishing the Teachers Foundation with the aim of helping children and the teachers themselves where necessary. The details are being worked out and will be circulated soon.

29. For some time the teachers have felt the need for a theme song for Teachers Day. I understand a competition will be conducted shortly and the song will be introduced at the next Teachers Day.

30. Finally, I would like to announce the theme for 1974, namely, the Role of the teacher in the era of science and technology.

Ministry of Education,
Kuala Lumpur.

16th Mei, 1973.



...but we are not...
...also...
...but the...
...like...
...because...
...policy...

...I would like to...
...of...
...such...
...it...
...if...
...part...
...question...
...twelve...

...I would like to...
...initiative...
...with...
...necessity...

...the...
...effect...

...Finally...
...nearly...
...technology...



No Siri	548
No Penerimaan	193/80

Ministry of Education
Kuala Lumpur
1977

F. Ucapan ABM

Ucapan Y.B. Datuk Hussein Onn, di upacara Perhimpunan Guru-Guru di Stadium Negara, Kuala Lumpur pada 16.5.73 jam 3.30 petang

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong,
Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong,
Ampun Tuanku, Sembah Patik Harap Diampun.

Patik sekalian berasa sukacita dan bersyukur kehadiran Ilahi kerana Tuanku berdua telah berkenan berangkat mencemar duli ke Stadium Negara pada petang ini untuk menghadiri perhimpunan guru-guru bersempena dengan Hari Guru tahun 1973. Keberangkatan Duli Tuanku berdua membuktikan minat Tuanku berdua terhadap perkembangan pelajaran rakyat Malaysia pada masa ini dan tahun-tahun yang akan datang. Patik mewakili semua pihak menjunjung kasih kebawah duli Tuanku

Ampun Tuanku, patik memohon izin berucap kepada hadirin sekalian.

Yang Amat Berhormat Tun. Perdana Menteri dan Toh Puan Hajjah Raha, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Selangor, Encik Shoib bin Haji Ahmad dan isteri, Yang Berhormat Menteri-Menteri, Tuan-Tuan Yang Terutama, Ibu-ibubapa, Guru-Guru dan Murid-Murid sekalian.

Perayaan Hari Guru merupakan satu lagi contoh kerjasama dan persefahaman yang erat yang ujud diantara persatuan-persatuan guru dengan Kementerian saya.

2. Kerjasama ibubapa - guru-guru untuk kemajuan pendidikan ialah satu tajuk yang sangat sesuai dan kena pada tempatnya sebagai tema Hari Guru tahun ini.

3. Dalam tahun 1972, Akta Pelajaran telah dipinda bukan sahaja untuk memudahkan pembentukan persatuan-persatuan ibubapa dan guru-guru, tetapi juga untuk mewajibkan tiap-tiap sekolah supaya mempunyai persatuan ibubapa dan guru-guru masing-masing. Kaedah-Kaedah dan peraturan-peraturan yang lengkap telah digubal, dan akan diedarkan kepada semua sekolah tidak lama lagi. Adalah di harapkan bahawa tiap-tiap sekolah akan menubuhkan persatuannya masing-masing sebelum akhir tahun ini.

Ucapan: ADHO
585
204/80

4. Persatuan ibubapa dan guru-guru boleh menolong mengecilkan jurang perhubungan yang selalunya menimbulkan ketegangan di antara ibubapa dengan sekolah. Kerjasama yang rapat diantara guru-guru dan ibubapa akan memberi munafaat kepada sekolah dan juga ibubapa dengan berbagai cara.

5. Sebab yang penting mengapa ibubapa dan guru-guru mesti bekerjasama ialah kerana mereka mempunyai satu matlamat yang sama. Ibubapa ingin memberikan anak-anak mereka pelajaran yang paling baik sekali sementara guru-guru pula mahu membekalkan pelajaran yang baik sekali pada anak-anak yang diamanahkan kepada mereka.

6. Kepada kebanyakan ibubapa, anak-anak mereka mungkin merupakan satu hak milik yang paling berharga sekali, dan mereka sanggup mengamanahkan anak-anak mereka di bawah jagaan guru-guru. Ini jelas membuktikan tentang keyakinan mereka terhadap kejujuran guru-guru untuk menjaga hak milik yang sangat-sangat mereka hargakan itu. Oleh kerana kanak-kanak merupakan hak milik mereka yang tidak ternilai harganya, maka ibubapa sanggup membuat apa sahaja bagi kebaikan anak-anak mereka. Oleh hal yang demikian ibu-ibubapa mungkin bersikap sangat sensitif dalam hal ini.

7. Begitu juga keadaannya dengan guru-guru, seperti ibubapa, guru-guru bergembira dengan kejayaan dan kesentosaan anak-anak di sekolah, dan juga apabila mereka dewasa kelak. Kanak-kanak mungkin lupakan rumah dan sekolah mereka, tetapi ibubapa dan guru-guru yang menolong mengasuh mereka tidak akan lupakan mereka setiap masa.

8. Dalam proses kanak-kanak menjadi dewasa di dunia yang sedang berubah dengan pesatnya, mereka memerlukan sokongan dan bimbingan yang sewajarnya. Oleh kerana pelajaran adalah merupakan satu jentera untuk memelihara yang ada dan untuk membawa perubahan yang baru, maka kanak-kanak akan mengalami pelbagai kekeliruan didalam jiwa mereka. Mereka sering kali mendapati bahawa rumah dan sekolah adalah merupakan dua dunia yang saling bertentangan. Kekeliruan ini kian bertambah dengan adanya pengaruh-pengaruh dari pelbagai bentuk sebaran am yang menekan ke atas fikiran mereka yang masih mentah itu. Mereka mengharapkan kepada orang-orang yang lebih tua daripada mereka untuk mendapatkan sesuatu penyelesaian, tetapi apa yang mereka perolehi ialah satu jurang perbezaan yang luas di antara ajaran dan amalan.

9. Keupayaan kanak-kanak untuk mempercayai sesuatu

dan dunia remaja mereka bersama-sama dengan perasaan tidak sabar dan semangat yang berkubar-kubar, semuanya ini perlu disalurkan mengikut lunas-lunas tertentu supaya sifat-sifat ini boleh digunakan dengan berkesan untuk mewujudkan tindakan-tindakan yang positif. Untuk mencapai matlamat ini, kerjasama yang rapat di antara guru-guru dan ibubapa adalah sangat-sangat diperlukan.

10. Kemajuan pelajaran di samping kedudukan ekonomi dan sosial yang berdikari yang dinikmati oleh seseorang individu itu pada masa sekarang ini, selalunya menimbulkan keruntuhan nilai-nilai yang ada tanpa mendapatkan nilai-nilai baru untuk menggantikan yang lama. Jikalau ibubapa dan guru-guru tidak berganding bahu untuk mendapat nilai-nilai yang baru itu, maka pengaruh-pengaruh yang tidak diingini akan menggantikan nilai-nilai yang lama. Ini akan menimbulkan keruntuhan akhlak, mental dan jasmani.

11. Semua sekolah-sekolah di negara ini kecuali beberapa sekolah yang tertua dan terkemuka sedang menghadapi kekurangan kewangan untuk projek pembangunannya. Kerjasama di antara ibubapa dan guru-guru boleh menolong mengadakan tabong derma untuk membantu murid-murid yang miskin dengan buku-buku, pakaian, makanan dan juga kemudahan pengangkutan ke sekolah dan balik. Derma-derma ini sangatlah besar maknanya jika digunakan pula untuk membena perpustakaan-perpustakaan sekolah, membeli alat-alat sukan, alat-alat pandang dengar dan juga lain-lain keperluan di sekolah.

12. Selain daripada bantuan kewangan dan kebondaan, tiap-tiap ibubapa mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang-bidang tertentu. Kemahiran dan pengetahuan ini boleh disampaikan kepada kanak-kanak melalui syarahan secara formal atau yang tidak formal, atau dengan cara tunjuk-ajar. Adalah nyata bahawa tidak ada sebuah sekolah pun yang dapat memberi kepada kanak-kanak segala pengalaman sebagaimana yang dapat diberikan oleh ibu-ibubapa sahaja. Oleh itu, peranan ibubapa yang lebih cergas adalah sangat-sangat dikehendaki.

13. Dengan adanya bilangan murid-murid yang ramai dalam tiap-tiap kelas serta sukatan-sukatan pelajaran yang baru dan juga beberapa tanggungjawab yang lain yang diberikan kepada guru-guru, maka guru-guru tidak mempunyai masa yang cukup untuk menolong murid-murid yang sangat-sangat berkehendakkan pertolongan. Kekurangan ini boleh diatasi dengan berbagai cara. Saya percaya bahawa guru-guru yang menghadapi desakan dan tanggungan yang berat ini bersedia menerima kerjasama dan pertolongan dari ibubapa yang boleh memberi bimbingan kepada setengah-setengah murid yang lemah. Dengan adanya bantuan seumpama itu, maka sudah tentu ramai murid-murid yang mungkin gagal akan dapat diselamatkan sekiranya mereka ini diberi pertolongan dengan segera.

14. Penggerak atau 'motivation' memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran, tetapi ia bergantung kepada beberapa faktor. Guru-guru yang mempunyai tanggungan yang berat, hanya dapat menumpukan perhatian kepada sebilangan besar murid-murid yang ingin belajar, dan bila-bila ada kesempatan, barulah guru-guru dapat memberikan perhatian yang lebih untuk membangkitkan minat murid-murid yang lain itu. Untuk memberi perhatian sewajarnya kepada murid-murid yang cerdas dan juga yang lemah, Kementerian Pelajaran telah melantik seorang pegawai bimbingan di tiap-tiap buah sekolah. Malangnya, oleh kerana pegawai itu mempunyai tugas mengajar yang sama dengan guru-guru lain maka ia hanya mempunyai sedikit masa sahaja untuk menjalankan kerja-kerja bimbingan yang sebenarnya. Barangkali, ibubapa yang mempunyai kebolehan dalam lapangan ini boleh menawarkan perkhidmatan mereka untuk menolong murid-murid yang kurang berminat itu.

15. Saya ingin bertanya apakah akibatnya sekiranya tidak ada kerjasama antara ibubapa dan guru-guru? Secara ringkas, kanak-kanak itu akan berulang-alik antara rumah dan sekolah, dan membuat penyelesaiannya sendiri terhadap masalah-masalah yang dihadapinya. Kemudian ia mula berdolak-dalik dan menipu pihak sekolah dan ibubapanya untuk kepentingannya sendiri. Ia akan terus melakukan penipuan ini, dan dengan kepercayaan yang perbuatannya ini tidak diketahui orang, lama kelamaan ia akan penteng dari sekolahnya. Akhirnya timbullah seorang lagi kanak-kanak salah asuhan. Saya tidak pula menyatakan bahawa ini sahaja yang menjadi sebab-sebab salah asuhan atau 'delinquency', tetapi mengambil sebagai satu contoh untuk membayangkan apa yang mungkin berlaku sekiranya kita mempunyai kurang perhubungan di antara rumah dengan sekolah.

16. Persatuan-persatuan Ibubapa dan Guru-guru sentiasa mendapat galakan dari Kementerian saya tetapi kejayaannya tidak begitu menyeluruh. Mungkin elok kita mengkaji dengan ringkas sebab-sebab berlakunya perkara ini.

17. Yang pertamanya terdapat satu pandangan yang tidak mengambil berat terhadap penubuhan Persatuan-persatuan seumpama itu. Oleh kerana guru-guru dan ibubapa telahpun mempunyai kewajipan yang banyak, mereka mungkin tidak mahu melibatkan diri mereka di dalam aktiviti-aktiviti yang lain. Di samping itu mereka mungkin juga berfikir tidak mustahak mengadakan pertubuhan seperti itu.

18. Yang keduanya, percubaan-percubaan terdahulu dari ini untuk menjalankan Persatuan-persatuan Ibubapa dan Guru-guru mungkin telah mati di tengah jalan disebabkan tidak adanya pihak yang mengambil berat untuk menjalankannya. Oleh kerana kurang pengertian akan tujuan sebenarnya persatuan seumpama itu diadakan, maka perjumpaan-perjumpaan yang pernah diadakan telah menjadi gelanggang merebut kuasa

ataupun telah gagal begitu sahaja oleh beberapa sebab yang lain, dan ahli-ahlinya berasa gembira apabila persatuan itu mati dengan sendirinya.

19. Yang ketiganya, mungkin terdapat satu keraguan yang tidak berasas bahawa Persatuan Ibubapa dan Guru-guru tidak boleh dijalankan, dan ada guru-guru yang menentang persatuan ini dengan alasan bahawa mereka sebagai orang-orang professional lebih mengetahui apa yang baik bagi seseorang kanak-kanak itu. Ini adalah merupakan saki-baki cara berfikir pada zaman yang telah berlalu tetapi dengan tidak disedari ia terus mempengaruhi fikiran kita.

20. Yang ke empat, oleh kerana adanya ibubapa yang mungkin tinggal agak jauh daripada sekolah, maka terdapat halangan-halangan yang jelas bagi mereka untuk menghaziri mesyuarat Persatuan Ibubapa dan Guru-guru.

21. Yang kelimanya disebabkan oleh kerana negara ini terdiri dari pelbagai kaum maka faktor bahasa mungkin menjadi satu masalah di dalam mesyuarat yang diadakan. Tetapi dengan adanya penggunaan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan kita, maka masalah ini dapatlah di atasi dengan segera.

22. Akhirnya kekurangan minat boleh timbul daripada kurangnya bimbingan, dan ini bersama-sama dengan peraturan-peraturan yang panjang lebar untuk pendaftaran sesuatu persatuan, telah menyekat perkembangan Persatuan-persatuan Ibubapa dan Guru-guru.

23. Dengan adanya pindaan 1972 dalam undang-undang, maka adalah mudah untuk menubuhkan Persatuan Ibubapa dan Guru-guru. Kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang diadakan oleh Kementerian saya akan dapat digunakan untuk semua persatuan dan ini membolehkan persatuan-persatuan seumpama itu berjalan dengan lebih lancar lagi.

24. Dengan perkembangan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama maka hendaklah terdapat satu pemikiran baru di kalangan ibubapa supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang berhampiran dengan rumah masing-masing. Tindakan seumpama ini akan meluaskan lagi bidang kerjasama di antara guru dan ibubapa. Di sini saya ingin menambah bahawa ada terdapat beberapa Persatuan Ibubapa dan Guru-guru yang sangat cergas dan telah banyak memberikan sumbangan yang baik.

25. Peristiwa-peristiwa yang berlaku baru-baru ini menunjukkan bahawa ibu-ibubapa semakin sedar akan hak-hak mereka sebagai warganegara dan pengguna pelajaran sebagaimana yang diajarkan di sekolah-sekolah kita, dan mereka hendak tahu apa yang diajar di sekolah-sekolah, dan suka mengambil bahagian yang lebih besar di dalam proses pendidikan. Ini adalah merupakan satu usaha yang patut diberi pujian dan galakan yang sewajarnya.

26. Kita hendaklah jangan lupa bahawa ramai di antara guru-guru kita adalah terdiri daripada ibu-ibubapa juga, dan mereka tidak berpuashati dengan apa juga, melainkan pelajaran yang terbaik diberikan kepada **anak-anak** mereka sendiri. Saya yakin bahawa tiap-tiap ibubapa mempunyai perasaan yang sama apabila mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Tambahan pula, dalam sebuah masyarakat demokrasi kita semua bertanggungjawab kepada orang ramai, dan di dalam perkara persekolahan ibubapalah yang kita maksudkan.

27. Saya suka mengucapkan tahniah kepada guru-guru kerana telah memilih thema; " Kerjasama Guru - Ibubapa untuk Kemajuan Pendidikan ". Kerjasama seperti itu adalah sungguh penting untuk pelajaran yang sihat dan berkesan. Ianya tidak boleh dicapai dengan melalui undang-undang sahaja. Ianya akan hanya memberi makna yang lebih mendalam sekiranya terdapat persefahaman, perasaan muhibbah dan sifat tolak-ansur di pihak ibubapa dan juga guru-guru demi kepentingan pelajaran anak-anak kita. Saya dengan ikhlasnya berharap agar kerjasama di antara guru-guru dan ibubapa akan mendapat sambutan yang besar daripada perayaan-perayaan Hari Guru tahun ini.

28. Saya suka mengucapkan tahniah kepada guru-guru atas dayausaha mereka menubuhkan yayasan guru-guru dengan tujuan untuk menolong kanak-kanak dan guru-guru sendiri jika perlu. Butir-butir lanjut sedang diusahakan dan akan diedarkan tidak lama lagi.


29. Guru-guru sudah beberapa lama telah merasakan perlunya diadakan satu lagu untuk Hari Guru. Saya difahamkan bahawa satu pertandingan lagu Hari Guru akan dijalankan tidak lama lagi dan lagu yang dipilih akan diperkenalkan pada Hari Guru tahun akan datang.

30. Akhirnya saya suka mengumumkan bahawa thema yang dipilih pada tahun 1974 ialah : Peranan Guru-guru Dalam Zaman Sains dan Teknologi.

31. Ampun Tuanku, sekianlah sahaja ucapan patik kepada hazirin sekalian. Sekali lagi patik menjunjung kasih yang tidak terhingga atas keberangkatan kebawah Duli Tuanku serta Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung ke perhimpunan ini.

Ampun Tuanku.

Kementerian Pelajaran,
Kuala Lumpur.
16hb. Mei, 1973.





No Siri 548
No Penerimaan 193/80